

11 NOV 2001

Sukan-Equestrian

NORHISHAM JUARAI KEJOHANAN MENUNGGANG LASAK PDRM/TNB

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- L/Kpl Norhisham Idris yang menunggang kuda bernama "Amir", muncul juara Kejohanan Menunggang Lasak Antarabangsa PDRM/TNB 2001 yang julung kali diadakan, di sini hari ini.

Wakil dari pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu memenangi kategori Tenaga Enduro Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI) sejauh 80km.

Dia mencatat masa 7 jam 26 minit dan 11 saat untuk menewaskan Mark Haith dari Kelab Sabah/TNB di tempat kedua dan peserta negara Datuk Kamaruddin Abdul Ghani di tangga ketiga.

Haith yang menunggang Paddy mencatatkan masa 7:34:18s manakala Kamaruddin, yang merupakan antara pemenang pingat emas pada Sukan SEA ke-21 di sini dua bulan lepas, mengambil masa 7:34:19s.

Acara itu bermula di Stable Unit Berkuda Putrajaya dan tamat di hadapan Dewan Serbaguna Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini.

Dalam kategori Cabaran Putrajaya sejauh 60km, L/Kpl Mohd Sharaf Ibrahim muncul pemenang apabila mencatatkan masa 5 jam 44 minit 00 saat.

Bagaimanapun tiada pemenang tempat kedua dan ketiga dalam acara itu kerana 10 peserta lain dalam kategori itu menamatkan perlumbaan melebihi masa yang ditetapkan iaitu 6 jam 40 minit.

Sementara itu pasukan Mayor yang diketuai Datuk Bandar Kota Kinabalu Datuk Abdul Ghani Rashid menjuarai kategori Perdana Klasik, sejauh 20km.

Abdul Ghani, yang berganding dengan Fuad Mahmud, Insp. Mohamad Din Mat dan Prof Madya Tamjes Kastiran mencatatkan masa keseluruhan 3:52:13s.

Tempat kedua disandang oleh pasukan Perdana Menteri yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mengandungi Tan Sri Azman Hashim, Datuk Kok Onn dan Lai Kai Weng, yang mencatat masa 5:24:14s.

Pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang diketuai pengerusinya Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis dan dianggotai Dr Yusof Ahmad, Mej (B) Abu Bakar Abdul Rahman dan Sufian Said menduduki tempat ketiga dengan catatan 5:24:40s.

Dalam kategori individu bagi acara Perdana Klasik, Abdul Ghani muncul pemenang dengan masa 1:1:59s sementara naib johan diraih Insp. Mohamad Din dengan masa 1:2:00s manakala Dr Mahathir menduduki tempat ketiga dengan masa 1:48:04s.

-- BERNAMA
ERE AKT MAI